



TEKS UCAPAN

YB DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE

MENTERI PERPADUAN NEGARA

PERASMIAN

PROGRAM RAMAH TAMAH UNITI

KAAMATAN & GAWAI

**25 JUN 2022 (SABTU) | 10.00 PAGI
GROUND FLOOR, THE MINES 2,
SERI KEMBANGAN, SELANGOR**

Assalamualaikum, Salam Sejahtera,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga
Malaysia.

Pendahuluan

1. Selamat datang, **Ko-pi-vo-sian do ki-noi-ka-tan** dan **Selamat datai** saya ucapkan kepada semua hadirin ke Program Ramah Uniti Kaamatan dan Gawai Tahun 2022.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Persatuan Anak Borneo (ABS) atas kolaborasi

bersama Kementerian Perpaduan Negara bagi sambutan Tadau Kaamatan dan Hari Gawai pada tahun ini.

Kami Keluarga Malaysia

Keluarga Malaysia yang saya hormati,

3. Perayaan Tadau Kaamatan dan Gawai Dayak disambut oleh masyarakat peribumi Sabah pada 30 dan 31 Mei. manakala perayaan Gawai Dayak disambut oleh masyarakat peribumi Sarawak pada 1 dan 2 Jun.

4. Kedua-dua perayaan ini disambut sebagai tanda kesyukuran selepas berakhirnya musim menuai dan bermulanya musim menanam padi yang baru.
5. Sambutan kedua-dua perayaan ini sememangnya meriah di Sabah dan Sarawak dengan acara kebudayaan dan sukan tradisional.
6. Sebagai acara kemuncak, pertandingan ratu pesta menuai atau lebih dikenali sebagai **Unduk Ngadau Kaamatam** di Sabah dan **Kumang Gawai** di Sarawak turut diadakan semasa perayaan ini.

7. Buat julung kalinya, dengan kerjasama Persatuan Anak Borneo Semenanjung, sambutan ini dapat diadakan di semenanjung yang bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat di semenanjung berkaitan kebudayaan Negeri Sabah dan Sarawak.

8. Kemeriahan sambutan Tadau Kaamatan dan Hari Gawai yang kita raikan pada hari ini merupakan simbolik kepada semangat UNITI yang bertujuan untuk memupuk semangat kebersamaan dan kekitaan dalam menerima kepelbagaian budaya Keluarga Malaysia yang menjadi tunjang kepada kelestarian

keharmonian dan kemakmuran yang kita miliki hari ini.

Keluarga Malaysia yang saya hormati,

9. Usaha ini adalah selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia cetusan idea Perdana Menteri menampilkkan satu dimensi baharu bagi Negara kita Malaysia yang mengetengahkan elemen:

- i. Keterangkuman**
- ii. Kebersamaan**
- iii. Kesyukuran**

10. Sifat Keluarga Malaysia adalah inklusif dan merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

11. Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia bertemakan “Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia” adalah kesinambungan kepada Aspirasi Keluarga Malaysia.

12. Program Semarak UNITI ini akan dilaksanakan oleh Jentera Perpaduan yang terdiri daripada Komuniti Rukun Tetangga, NGO, Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara, Badan Korporat dan pihak Swasta.

13. Pendekatan memperkuuhkan perpaduan di kalangan Keluarga Malaysia melalui:

- i. Program silang budaya
- ii. Program promosi perpaduan dan Integrasi nasional antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

14. Justeru sambutan pada hari ini menterjemahkan akan peri pentingnya:

- i. saling memahami
- ii. menghargai
- iii. menerima kepelbagaian budaya, keunikan dan keanekaragaman yang ada dalam masyarakat kita.

Penutup

15. Semoga perayaan tadau kaamatan dan hari gawai pada tahun ini akan membawa kemakmuran, kesejahteraan dan kedamaian kepada semua yang menyambutnya.
16. Marilah kita menyemarakkan dan merakyatkan semangat perpaduan dalam kalangan seluruh ahli Keluarga Malaysia bagi mengukuhkan semangat setiakawan dan solidariti sesama kita.
17. Terima kasih sekali lagi kepada rakan perpaduan Kementerian Perpaduan Negara iaitu Persatuan Anak Borneo

Semenanjung (ABS) atas kerjasama menganjurkan program pada kali ini.

18. Jalankanlah semangat kekitaan dan kebersamaan sebagai satu Keluarga Malaysia yang saling menghormati antara satu sama lain, umpama “sesusun bak sirih, serumpun bak serai”.

19. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan dan Selamat Hari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua.**

SEKIAN TERIMA KASIH.